

# **Pendidikan Sastera Remaja di Malaysia dalam Membina Generasi Unggul Berasaskan Falsafah Pendidikan Negara**

*Ani Binti Haji Omar*

ani.omar@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris

## **Abstrak**

Makalah ini meneliti pendidikan sastera remaja di Malaysia dalam aspek berikut iaitu pertama Ketinggian Daya Intelek Insaniah Remaja di mana unsur intelek dalam FPN menggariskan bahawa perlunya remaja sentiasa berusaha untuk mendapat, meningkat dan menyebarkan ilmu. Kedua, Kemantapan Rohani Remaja Mematangkan Diri Menghadapi Cabaran iaitu unsur rohani yang dimaksudkan dalam FPN adalah perlunya remaja disedarkan perihal ketuhanan dan rasa insaf akan wujudnya Tuhan. Ketiga, Emosi Seimbang Menjana Remaja Cemerlang, ini bermaksud generasi cemerlang yang mampu memimpin negara dengan baik memerlukan daya tahan emosi yang kukuh. Dalam hal ini tidak keterlaluan jika dikatakan FPN sebagai kerangka analisis wajar dijadikan garis panduan penulis-penulis kreatif yang mahu menjadikan remaja sebagai khalayak. Hal ini kerana, penerapan FPN dalam penghasilan karya kreatif diyakini mampu membina peribadi remaja yang unggul dengan minda cemerlang. FPN juga dijadikan teras untuk mengenal pasti kedudukan dan kesesuaian karya remaja untuk generasi pelapis seterusnya.

**Kata Kunci** pendidikan; sastera; remaja

## **Abstract**

*This paper will further examine youth arts education in Malaysia in the following aspects; Firstly, the Ketinggian Daya Intelek Insaniah Remaja where the intellectual element in FPN outlines the need for teenagers to always trying to gain, increase and disseminate knowledge. Secondly, the Kemantapan Rohani Remaja Mematangkan Diri Menghadapi Cabaran is a spiritual element to which the FPN outlines about teens having a sense of divinity and realize the existence of God. Thirdly, Emosi Seimbang Menjana Remaja Cemerlang is about brilliant generation who is able to lead the country requires a strong emotional resilience. In this case, is not an*

*overstatement to say that FPN is an appropriate analytical framework to guide creative writers who targeted youth as their audience. This is because, the application of FPN in the production of creative work is believed to be able to develop youth with a brightest minds. FPN also acts as a foundation for identifying the position and relevance literature for the youth in the next generation.*

**Keywords** education, literature, youth

## Pengenalan

Matlamat pendidikan negara adalah untuk meningkatkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada bagi mewujudkan insan yang baik serta sempurna. Hal ini demikian kerana, ia dapat mewujudkan keharmonian dan kemakmuran masyarakat serta negara khususnya melalui subjek kesusasteraan Melayu. Shahnon Ahmad (1991) menyatakan bahawa pendidikan kesusasteraan penting dalam peranannya membina pemikiran dan sahsiah manusia kerana banyak mengandungi unsur-unsur mendidik nilai kemanusiaan yang tinggi. Seni sastera yang menjadi nadi kepada tamadun bangsa mestilah boleh menyumbang ke arah pembinaan budaya yang besar. Ciri-ciri kesusasteraan mestilah memperlihatkan wawasan yang jelas dan benar, mempertahankan kehalusan keseniman, mengadunkan pandangan alam dan garapan seni yang tinggi, menganalisis dalam penerokaan setiap aspek keinsanan, boleh menghayati pergolakan jiwa dan emosi watak-watak yang ditonjolkan dan berketerampilan dalam penggunaan gaya bahasa sasteranya.

Menurut Jeneri Amir (1988) terdapat perbezaan antara bahan sastera dengan bahan lain. Bahan sastera dari segi peranannya dapat menyampaikan sesuatu mesej dan unsur secara halus dan secara tidak langsung. Seterusnya, beliau berpendapat cara ini sudah tentu akan menjadikan pengajaran lebih berkesan. Manakala Othman Puteh (1998) pula berpendapat karya sastera tidak sahaja mempunyai muatan keseronokan untuk tuntutan emosi tetapi juga berguna bagi melahirkan kebaikan moral dan intelektual. Selain itu, Ani Hj Omar (2011) menyatakan sastera berfungsi untuk menghargai karya-karya kreatif yang telah dihasilkan oleh para penulis tanah air mahupun luar negara. Sehubungan itu, melalui karya sastera yang ditujukan untuk remaja khususnya, golongan ini diharap bukan sahaja berminat dengan sastera, malah menghargai sumbangan yang telah diberikan oleh para penulis dan pengkarya melalui karya kreatif yang ditujukan

khusus untuk mereka.

Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa nilai-nilai sastera dalam kehidupan manusia berjaya membentuk sahsiah, mengasuh kefahaman minda, menghalusi nilai estetika dan menjadi pengantar penting dalam proses seseorang menguasai dan memperoleh nilai-nilai hidup yang akan diaplikasikan dalam kehidupannya. Perkara ini berkaitan dengan sastera remaja yang dikatakan dapat membentuk manusia agar menjadi lebih sensitif terhadap kehidupan dan boleh mengambil iktibar berdasarkan kehidupan masyarakat sehari-hari.

## Kepentingan Karya-karya Kesusasteraan Melayu

Seperti yang dimaklumkan, karya sastera remaja bukan sekadar memberi hiburan dan keseronokan, malahan dapat memberi pendidikan kepada masyarakat untuk membina teras perpaduan, sekaligus membentuk kekuatan jati diri dalam kalangan masyarakat, di samping melahirkan semangat patriotisme. Karya sastera yang beracuan falsafah pendidikan sastera dan pemikiran manusia diharapkan dapat membina tamadun bangsa seterusnya melahirkan generasi unggul. Selain itu, karya sastera juga boleh memainkan peranan penting dalam pembentukan emosi remaja supaya mereka sedar akan perasaan sesama sendiri juga mampu memikirkan perasaan orang lain. Apabila sikap ini wujud, remaja akan membentuk dirinya untuk menghormati orang lain, membina sahsiah yang elok dan bersikap toleransi. Bahan sastera juga dapat membentuk nilai estetik dalam diri remaja supaya dapat mendidik remaja berperibadi seimbang dan sentiasa berfikiran positif, kreatif dan kritis. Hal ini akan memupuk perkembangan daya cipta dan imaginasi remaja dalam proses pembelajaran secara berterusan.

Menurut Othman Puteh (1998) sastera remaja seharusnya memberikan pendidikan dan hiburan kepada masyarakat, bahan yang terkandung juga dapat mengasuh dan mengasah kecerdasan penghayatan nilai-nilai kemanusiaan, kemasyarakatan dan segala sesuatu yang berhubung dengan keperluan kehidupan. Nik Hassan Basri (2005) menyatakan sesebuah karya yang dihasilkan perlulah mempunyai isi, mesej serta fungsinya yang tersendiri dalam masyarakat. Kedua, murid akan mengetahui perkembangan kesusasteraan Melayu tanah air. Ketiga, melalui karya kesusasteraan yang dibacanya, murid dapat mengenali tokoh kesusasteraan Melayu. Keempat, karya kesusasteraan yang dibaca oleh murid dapat meningkatkan dan mengukuhkan ketrampilan berbahasa, kekuatan keimanan dan kerohanian, daya intelek, memupuk kesedaran terhadap nilai-nilai

estetik seperti kekreatifan dan keindahan. Kelima, keindahan bahasa yang terkandung dalam sesebuah karya kesusasteraan Melayu akan membolehkan murid mengenal, memahami, menghayati, menguasai dan menghasilkan karya kesusasteraan Melayu dengan kebolehan masing-masing. Keenam, kesusasteraan Melayu akan membolehkan murid membina dan memupuk budaya membaca, menilai dan mengkritik karya kesusasteraan Melayu. Ketujuh, karya kesusasteraan membolehkan murid menguruskan emosi sendiri serta menghadkan perkembangan emosi negatif dan membolehkannya mengendalikan hubungan dengan orang lain dan akhir sekali mengamalkan nilai positif serta mewujudkan perasaan empati dalam kehidupan.

Mano Sikana (2013) menjelaskan keindahan pengalaman bergantung kepada keunikan pengalaman. Hal ini demikian kerana, pengalaman itu luar biasa, belum pernah dialami, menarik dan memberikan kepuasan. Membaca merupakan proses penambahan pengalaman. Pengalaman keindahan ialah apabila kita merasa kesan yang menarik, mengagumkan, menyedihkan atau yang memeranjatkan. Seandainya pengalaman yang diberikan pengarang itu istimewa, maka pembacaan kita akan merasakan kenikmatan keseronokannya. Sebuah karya yang baik ialah elok ciptannya, tinggi seninya dan halus adunannya. Apabila kita membaca, perasaan kita akan turut digoncangnya. Hasil daripada pembacaan itu, kita mendapat pemikiran yang tinggi atau ada falsafah tentang hidup. Kita dipintarkan olehnya bukan digurui atau dimarahinya. Sebuah karya sastera juga mengajar kita menyelesaikan masalah yang kita hadapi. Rasa keindahan juga berkait-rapat dengan kemampuan sesebuah teks itu bagi menimbulkan perasaan kita, seperti gembira, simpati, marah, terharu dan sebagainya. Karya itu pula dapat menimbulkan rasa geram, dengki, cemburu dan sebagainya. Pengarangnya dengan bijaksananya berketerampilan mempermainkan imaginasi bagi menghidupkan dunia realiti, fantasi, utopia, magis dan seumpamanya. Secara kesimpulannya, jelaslah terdapat pelbagai ilmu merangkumi aspek jasmani, emosi, intelek dan rohani dalam pembacaan sesebuah karya sastera remaja. Sewajarnya karya-karya sastera remaja dapat melahirkan generasi unggul tidak dapat disanggah lagi.

Tidak keterlaluan jika dikatakan kesusasteraan Melayu juga dapat memperbaiki kemahiran berbahasa dalam kalangan murid. Hal ini disebabkan oleh setiap pengarang memiliki gayanya yang tersendiri tatkala memanipulasikan kata, ungkapan, ayat semasa menghasilkan karya. Seandainya kita amati, pangarang selalunya mempunyai idea-

idea sendiri ketika menghasilkan karya dan menyelitkan pelbagai ragam bahasa figuratif seperti unsur perbandingan, bahasa kiasan dan sebagainya. Dengan demikian, hal ini sedikit sebanyak dapat membantu murid untuk mengukuhkan dan meningkatkan tahap kemahiran berbahasa mereka secara tersurat dan tersirat.

## Sastera Remaja di Malaysia

Sastera remaja adalah salah satu bidang dalam kesusasteraan Melayu yang semakin berkembang dan mendapat tempat, terutama dalam kalangan remaja. Perkembangannya semakin popular disebabkan wujudnya kesedaran bahawa sastera remaja bukan sahaja memberi hiburan, keseronokan dan pengetahuan, malahan merupakan wadah untuk menyampai mesej dan menerapkan unsur-unsur pembinaan insan dan seterusnya melahirkan generasi yang unggul. Perkembangan yang memberangsangkan ini dapat dilihat dengan bertambahnya manuskrip dalam pelbagai genre seperti novel, cerpen, puisi dan drama yang perlu diberi perhatian sewajarnya.

Kini sastera remaja semakin berkembang, di mana-mana sahaja karya remaja khususnya genre novel menjadi tatapan ramai, terutama para pelajar kerana bahan-bahan ini mudah diperoleh sama ada di gedunggedung ilmu atau di pusat-pusat perniagaan. Pengedarannya yang meluas seperti di kedai-kedai buku, pusat pengedaran dan penjualan bahan bercetak, badan-badan penerbit dan di perpustakaan mempercepat lagi penyebarannya kepada khalayak. Bahan-bahan bacaan dan karya remaja yang begitu banyak di pasaran jelas membuktikan bahawa bahan tersebut cukup dominan dan diminati remaja. Hubungan sastera dan golongan remaja memang tidak dapat dipisahkan kerana kedua-duanya saling melengkapi. Hal ini disebabkan oleh kehidupan masyarakat dan pengarang menjadi bahan mentah dalam penulisan kreatif. Kehidupan masyarakat yang pelbagai bentuk dan ragam menjadi ilham pengarang untuk berkarya.

Menurut Jumali Haji Selamat (2001), hubungan antara sastera dan golongan remaja memang tidak dapat dipisahkan kerana kedua-duanya saling melengkapi. Sastera remaja bukan sahaja menjadi kegiatan para remaja untuk memiliki, tetapi juga turut menjadi kegemaran masyarakat umum yang bukan sahaja sekadar berminat untuk menikmati karya tersebut tetapi untuk turut memiliki.

Jika dilihat pada masa kini, bahan-bahan bacaan yang bercorak

sastera remaja begitu banyak melimpah di pasaran buku Malaysia. Hal ini jelas menunjukkan bahawa bahan-bahan bacaan seperti ini bukan sahaja diminati oleh golongan remaja, malah penerbit-penerbit yang tumbuh seperti cendawan untuk menerbitkan bahan-bahan bacaan seperti ini sangat dirasakan (Talib Samat, 1992). Justeru, apa-apa yang terhasil dalam karya dengan sendirinya merupakan pengucapan fenomena sosial yang sekaligus menggambarkan corak kehidupan sesebuah masyarakat.

Ibrahim Mamat (1997) menegaskan remaja adalah komponen pelapis dalam sesebuah negara dan menjadi penjana pemantapan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial yang mengisi ruang kehidupan masyarakat. Sastera remaja boleh didefinisikan sebagai karya sastera untuk bacaan para remaja lingkungan umur 12 hingga 20 tahun. Di barat sastera remaja turut dikenali dengan nama *young-adult literature*. Menurut Suppiah Nachiappan, Kamarulzaman Kamaruddin, Ramlah Jantan, *et al.* (2009), individu mengalami usia remaja ketika berumur 12 tahun dan berakhir pada umur 21 tahun. Menurut mereka lagi, peringkat awal remaja bermula semasa umur 12 tahun hingga 15 tahun, manakala peringkat akhir remaja pula bermula umur kira-kira 16 hingga 21 tahun. Crain (1996) menyatakan tempoh remaja melibatkan perubahan terutama dalam aspek fizikal, sosial, emosi dan pemikiran. Menurut beliau lagi, remaja juga mengalami kekeliruan dalam dirinya sebagaimana yang dinyatakan "... adolescents are "betwixts" and "between" where they are neither children nor yet adults, they are often in a state of confusion." Oleh sebab itulah golongan ini dikatakan mengalami krisis identiti apabila berinteraksi dengan kanak-kanak dan golongan dewasa.

Sastera remaja sangat penting kerana peranan dan kesannya terhadap diri para remaja, terutama dalam membina keperibadian yang murni dan pembentukan pemikiran yang mantap. Ani Hj Omar (2011) menyatakan bahawa sastera untuk remaja harus dapat menaburkan, menanam, dan mencambahkan bibit-bibit atau nilai-nilai kemanusiaan, rasa tanggungjawab dan cinta akan diri keluarga, masyarakat, bangsa dan tanah air. Penerbitan naskhah sastera remaja dituntut agar dapat menampilkan watak-watak teladan seperti jujur, setia, gigih, lasak, kreatif dan berfikiran rasional. Karya-karya sastera remaja mampu membentuk peribadi pelajar yang mempunyai nilai dan norma yang baik. Tambahan pula, melalui pengajaran dan pembelajaran Sastera di sekolah telah mendedahkan pelajar dengan karya-karya bersifat kreatif seperti sajak, cerpen, novel dan skrip drama. Secara tidak

langsung, ini akan menarik minat pelajar untuk turut serta melahirkan kreativiti dalam bentuk luahan jiwa yang kreatif dan membuka peluang menjadi seorang penulis (Ani Hj Omar, 2011). Kemahiran dan minat berkarya yang dapat disemai pada peringkat sekolah akan memberi kelebihan kepada pelajar setelah tamat persekolahan kerana mereka dapat mengisi masa lapang dengan berkarya, seterusnya memberi pendapatan kepada pelajar tersebut. Percambahan minda pelajar akan terangsang untuk berkarya dengan pelbagai kemahiran yang telah dipelajari ketika menuntut di peringkat sekolah. Malah, penghasilan karya ini mampu mencabar kemampuan diri ke arah yang lebih baik bagi pelajar pintar. Hal ini tidak akan merugikan mana-mana pihak, malah memberi keuntungan dalam mencipta nama dalam pelbagai bidang penulisan seperti novel, cerpen, sajak, jurnal dan sebagainya.

Kini, antara penulis sastera remaja yang berwibawa dan pernah memenangi hadiah novel remaja antara lain ialah; Othman Puteh dengan novel *Terminal Tiga*, Ali Majod; novel *Sayang Si Tina*, Matlob; novel *Taman di Kaki Bukit*, Talib Samat; novel *Panas Salju*, *Panggilan Jihad*, Faisal Tehrani; novel *1515* dan *1511H (Kombat)*, *Manikam Kalbu*, Gunawan Mahmood; novel *Renyah, Tanah Ini*, *Cinta Daerah Perjuangan*, Abu Hassan Morad; novel *Julia, Cinta Madinah*, Ruhaimi Matdarin; novel *Dalam Getar Waktu* dan novel *Kotak*, Sri Rahayu Mohd.Yusop; novel *Warisnya Kalbu*, Hafizah Izsahanid; novel *Deru Angin*, Amer Hmzah L.Kadir; novel *Kembara Cinta*, Mohd Ismail Sarbini; novel *Pasir Salak*, Khairuddin Ayip; novel *Guruku Ibuku Jua*, Zailiani Taslim; novel *Ladang, Keringat dan Cinta*, Halis Azhan Mohd.Hanafiah; novel *Azfa Hanani*, Siti Jasmina Ibrahim; novel *Trilogi Cinta*; dan novel *6:20*, Abdul Rahman Napiah; *Merdeka! Merdeka!*

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa karya-karya hasil tangan pengarang mutakhir ini kelihatannya lebih bersifat realisme. Pengarang menggambarkan keadaan semasa masyarakat dengan sebaik-baiknya mengikut gaya dan pendekatan yang berbeza dan bersifat tersendiri. Karya-karya yang dihasilkan lebih bersifat realistik dan berpijak di alam nyata. Perkara yang dibicarakan merupakan cerminan pada isu dan persoalan yang sentiasa bergejolak dalam masyarakat, sesuai dengan sensitiviti seorang pengarang yang seharusnya peka terhadap persekitaran.

Selain itu, pengarang karya sastera remaja dikatakan kental dengan penggunaan ilmu-ilmu bantu bagi memperkuatkannya muatan karya. Pengarang tidak lagi membicarakan tema-tema yang klise tetapi mula

melangkah ke hadapan dengan memperkatakan isu-isu yang lebih global dan menyangkut bidang-bidang di luar sastera seperti teknologi maklumat, ekologi, geografi, geologi falsafah, undang-undang, politik antarabangsa dan sebagainya.

Walaupun kehadiran ilmu-ilmu bantu dalam genre cereka (novel dan cerpen) bukanlah sesuatu yang baharu, tetapi pendekatan kelompok ini tetap berbeza dengan pengarang-pengarang terdahulu. Sebelum ini, ilmu-ilmu bantu hanya disisipkan dalam karya sebagai satu alternatif untuk menghidangkan ilmu-ilmu di luar bidang sastera di samping hiburan untuk dimanfaatkan khalayak. Bagi pengarang-pengarang generasi baharu pula, ilmu-ilmu bantu bukan lagi sekadar sisipan tetapi menjadi bahan utama penceritaan. Fudzail misalnya, acap kali menyajikan khalayak dengan kisah alam siber dan sains komputer melalui cerpen-cerpennya, seperti yang boleh dilihat dalam *Kiamat*, [www.gosip.com.my](http://www.gosip.com.my), *Agenda* dan *Khemah Penggodaman*.

Dengan demikian, dapatlah dikatakan bahawa kesusasteraan remaja di Malaysia telah menampakkan peningkatan serta perkembangan yang pesat sejajar dengan perkembangan penulisan di Malaysia. Kemunculan pelbagai karya-karya sastera remaja menunjukkan bahawa sastera remaja telah berjaya mengambil tempat dalam kalangan remaja dan para penulis tanah air. Akan tetapi, kekurangan karya-karya remaja berunsur keislaman perlu dititik beratkan dan seharusnya dipandang tinggi oleh para penulis sastera remaja supaya ia mampu bergerak seiring dengan karya-karya sastera yang lainnya.

### **Ciri-ciri Sastera Remaja Memenuhi Aspek Efektif, Kognitif dan Psikomotor**

Bahan bacaan sastera kreatif tercetus daripada pengamatan, pengalaman dan kreativiti pengarang yang relevan dengan pertumbuhan dan perkembangan psikologi remaja yang berusia sekitar 12 hingga 20 tahun. Othman Puteh (1998) menyatakan sastera remaja mempunyai ciri-ciri seperti berikut;

- i. relevan dengan pertumbuhan dan perkembangan psikologi dan psikososial remaja;
- ii. meningkatkan pengalaman dan pengetahuan remaja;
- iii. mengajak remaja berfikir secara rasional dan kritis;
- iv. merangsang minat dan berupaya menghidupkan daya

- imajinasi dan daya cipta;
- v. menampilkkan watak-watak teladan yang boleh memperkayakan kesedaran orang ramai terhadap lingkungan kehidupan, kesihatan dan membina wawasan terhadap ramaja;
- vi. terdapat nilai murni yang dapat menyumbang kepada penglahiran insan yang seimbang aspek rohani, jasmani dan inteleknya;
- vii. meneroka kepada isu kepelbagaiannya tetapi tidak menjadi streotaip kepada dunia remaja yang mempunyai budaya berlainan tetapi dapat diaplifikasi ke dalam budaya tempatan dan membangun dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu;
- viii. terdapat unsur-unsur yang lebih mencabar, ada kelompok yang tertindas, bincang tentang suara bisu yang patut diperdengarkan, ada perspektif yang tepat dan tidak bias;
- ix. guna bahasa yang sederhana dan mudah difahami tapi arasnya lebih tinggi daripada sastera kanak-kanak;
- x. diselitkan dengan adegan romantis dan cinta; dan
- xi. konsep realiti kehidupan seperti bidang politik, falsafah, pembangunan diri remaja.

Berdasarkan ciri-ciri sastera remaja yang telah dinyatakan di atas, ternyata ia memenuhi aspek perkembangan efektif, kognitif dan psikomotor remaja. Ciri-ciri sastera remaja sarat dengan ilmu pengetahuan yang melibatkan kesan perasaan dalam diri pembaca, seterusnya memerlukan tindakan atau tindak balas terhadap sesuatu isu atau perkara yang disampaikan oleh pengarang dalam penulisannya. Pada peringkat remaja inilah, mereka amat sesuai disajikan dengan bahan bacaan yang bermutu agar terbiasa dengan ilmu pengetahuan tinggi. Pada akhirnya, mereka mampu membentuk jati diri yang mempunyai keterampilan sepertimana yang diharapkan dalam FPN.

## **Peranan Kesusteraan Melayu dan Kaitannya Dengan Sastera Remaja Dalam Bidang Pendidikan**

Berdasarkan takrifan dalam FPN, Kesusteraan Melayu dalam konteks pendidikan ialah karya asal yang tertulis dalam bahasa Melayu berunsurkan keindahan dan kehalusan, sama ada berbentuk novel, cerpen, drama, sajak, prosa tradisional atau puisi tradisional

bagi mengimbangi perkembangan intelek, rohani, emosi dan jasmani, di samping memaparkan nilai kemanusiaan dan citra masyarakat. Berdasarkan Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu (2003) mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dapat melengkapkan murid dengan ilmu sastera agar dapat melahirkan generasi yang mencintai bahasa ke arah pemantapan cita rasa sastera dalam kalangan masyarakat. Matlamat kurikulum Kesusasteraan Melayu sekolah menengah adalah untuk melengkapkan murid dengan ilmu sastera agar mereka dapat menghayati, menghargai, mencintai, dan memupuk rasa bangga terhadap bahasa dan sastera Melayu dalam bidang pendidikan dan kerjaya ke arah pemantapan cita rasa sastera dalam kalangan masyarakat (Kurikulum Kesusasteraan Melayu 2003).

Berdasarkan objektif Kurikulum Kesusasteraan Melayu membolehkan murid;

- i. Memahami isi dan menganalisis aspek sastera.
- ii. Mengapresiasi karya sastera melalui aktiviti sastera.
- iii. Menghayati dan menghargai estetik bahasa.
- iv. Menghargai penulis dan karya yang dihasilkannya.
- v. Memberikan pandangan, menilai karya sastera secara kritis, dan menyuburkan nilai kemanusiaan di samping memupuk samangat cinta akan negara
- vi. Menghasilkan karya sastera yang pelbagai, sesuai dengan kebolehan murid
- vii. Memupuk budaya membaca untuk memperkembang dan mengekalkan minat terhadap sastera.

Melalui pembelajaran sastera, para pelajar akan didedahkan dengan prosa-prosa moden dan tradisional yang merangkumi genre novel, cerpen, prosa tradisional, puisi tradisional seperti pantun, syair, gurindam, seloka dan puisi moden. Berdasarkan Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (2003) dalam konteks pendidikan, kesusasteraan didefinisikan sebagai karya bahasa yang menyatakan pengalaman dan perasaan manusia secara kreatif dan di dalamnya terkandung gambaran masyarakat dan nilai-nilai hidup. Kesusasteraan Melayu dalam konteks pendidikan ialah;

- i. Karya asal yang ditulis dalam bahasa Melayu, sama ada karya jenis bertulis mahupun karya jenis lisan yang direkodkan.
- ii. Karya yang berbentuk seperti novel, cerpen, sajak, drama, cereka klasik dan puisi klasik.

- iii. Karya yang berfungsi sebagai alat pendidikan untuk perkembangan intelek, emosi, rohani, dan jasmani.
- iv. Karya yang mencerminkan nilai, jiwa dan pemikiran masyarakat.
- v. Karya yang mempunyai unsur keindahan dan kehalusan.
- vi. Karya yang mendukung unsur-unsur yang terdapat dalam karya kesusasteraan adalah seperti keindahan dan kehalusan. Kesusasteraan juga mendukung nilai murni daripada segi rohani, kekreatifan, keintelektualan, kemanusian, kemasyarakatan, kebudayaan dan kewarganegaraan.

Sehubungan itu kesusasteraan merupakan satu gagasan yang menjelaskan lakaran pengalaman dan penghayatan kehidupan para seniman tentang manifestasi kesenian melalui media massa yang kreatif, menarik, bermakna dan indah. Dengan mengenal, memahami dan menguasai hasil karya kesusasteraan yang ada melalui pendidikan Kesusasteraan Melayu, murid akan dapat memahami ketuhanan, kealamiah, kemanusiaan, kemasyarakatan, kehidupan dan karya di sekitarnya. Di samping itu, Kesusasteraan Melayu juga dapat mendidik murid agar menikmati gagasan dan pemikiran, kehalusan dan keindahan karya kesusasteraan Melayu dan gaya bahasanya dengan baik. Hal ini demikian kerana, kesusasteraan dan bahasa merupakan satu entiti, kesatuan atau gabungan yang berkaitan dan tidak dapat dipisahkan lagi.

Pengajaran kesusasteraan berkastrapat dengan pembentukan sahsiah dan perwatakan seseorang. Selain berupaya memperkembangkan dan mempertajamkan rasa terhadap nilai, kesusasteraan juga dikatakan dapat mendekatkan seseorang pelajar dengan hampir keseluruhan daripada lingkaran hidup manusia. Kesusasteraan juga membentuk remaja yang dapat membezakan kebaikan dan keburukan melalui bahan sastera seperti novel yang menjadi cerminan untuk dijadikan iktibar.

## **Peranan Sastera Remaja**

Sastera remaja mempunyai peranannya yang tersendiri sebagai mengisi kelompongan yang berlaku dalam diri remaja (Nor Raudah Hj. Siren, 2006). Kekosongan yang ada perlu diisi dengan bahan-bahan bacaan yang berguna dan boleh membentuk peribadi pembaca.

Melalui pembacaan, pembaca remaja akan menemukan berbagai-bagai gaya pendidikan dan hiburan yang berfungsi menyelamatkan remaja daripada tipu daya kehidupan. Menurut Ani binti Hj. Omar (2011), pelajar merupakan generasi pelapis yang penting kerana mereka lahir yang bakal mewarisi negara. Justeru itu, mereka perlu dibekalkan dengan ilmu pengetahuan, akhlak yang baik dan ciri kepimpinan kerana di tangan mereka lahir negara akan dibentuk dan dibangunkan kelak. Maka, sastera merupakan subjek yang dapat membentuk keperibadian pelajar iaitu remaja. Sastera remaja memainkan peranan penting sebagai;

#### A. Fungsi pendidikan

Sastera remaja mempunyai peranan yang penting dalam usaha mendidik remaja dan membimbing remaja menemukan diri. Hasil daripada karya sastera remaja, seseorang remaja akan menemukan pengalaman ilmu pengetahuan. Hal ini sangat bertepatan dengan perkembangan domain efektif remaja yang memerlukan bahan rangsangan untuk memperkembangkan ilmu pengetahuan mereka. Pengalaman yang dipaparkan dalam novel remaja akan menghasilkan kongsi rasa dan kongsi keinginan antara pembaca dengan pengarang. Situasi ini pula bersesuaian dengan perkembangan kognitif remaja.

Pengalaman mempunyai nilai yang mahal harganya tetapi melalui pembacaan karya-karya sastera khususnya sastera remaja yang berbagai-bagai persoalan dan konflik, remaja berpeluang untuk memahami pengalaman remaja lain yang pastinya boleh dijadikan panduan dan pedoman seandainya keadaan yang sama dialaminya. Pengalaman inilah yang mengajar remaja untuk memahami realiti kehidupan yang mereka tempuh di samping meningkatkan pengetahuan tentang cabaran dan dugaan serta mematangkan fikiran.

Di samping memahami realiti kehidupan, karya sastera remaja seperti novel, cerpen dan drama akan membantu kemampuan pembaca remaja untuk mentafsir kehidupan yang terbaik bagi diri mereka. Kemampuan mentafsir hidup akan melahirkan remaja yang boleh membentuk peribadi dan tingkah laku serta akhlak yang mulia. Hal ini demikian kerana, remaja dihidangkan dengan kebebasan yang mereka perjuangkan, iaitu kebebasan yang mempunyai batas-batas sebagai remaja, pelajar, anak dan pekerja. Kebebasan yang diutarakan dalam karya sastera remaja adalah kebebasan terbimbang oleh nilai-nilai murni dalam menentukan pilihan hati, kerjaya dan cara hidup.

## B. Membentuk minda remaja sebagai pelajar

Sastera ialah sesuatu yang kreatif lagi kritis. Pembinaan dan penciptaananya penuh dengan estetik lagi indah disamping sarat dengan unsur-unsur moral kerana sastera itu tidak dihasilkan secara sia-sia. Ia merupakan gambaran kehidupan masyarakat yang dianggotainya. Sastera mempunyai pertalian yang amat rapat dengan kehidupan kerana paparannya adalah berdasarkan pengalaman, pemerhatian, kajian dan harapan pengarangnya. Walaupun sesetengah karya sastera bersifat khayalan tetapi ia penuh dengan sindiran dan perbandingan.

Dengan merujuk kepada Perlembagaan Negara yang meletakkan bangsa Melayu sebagai bangsa utama di negara ini dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang menekankan bahawa kebudayaan Malaysia mestilah berteraskan kepada kebudayaan Melayu tanpa meminggirkan kebudayaan kaum lain yang dominan, maka peranan karya-karya dalam kesusasteraan Melayu sememangnya bersifat ke arah itu. Malahan, genrenya sangat kompleks dan mudah dibaca serta difahami seperti cerpen, novel, sajak, skrip drama dan juga sastera tradisional seperti pantun, syair, seloka dan cerita-cerita hikayat. Oleh itu, bahan bacaan kesusasteraan yang dipilih sebagai teks sastera di sekolah banyak menonjolkan aspek-aspek positif dan nilai-nilai murni sebagai contoh tauladan kepada para pelajar iaitu remaja. Penumpuan boleh dilihat dari segi latar, perwatakan, persoalan dan unsur-unsur pengajaran yang terdapat di dalamnya kerana di peringkat ini pelajar berada dalam proses mengenal, memerhati, menilai dan meniru dengan harapan pelajar-pelajar ini dapat mengaplikasikan apa-apa yang dibaca di dalam bahan sastera ke dalam kehidupan seharian mereka.

Dalam hal ini, peranan sastera amat penting kerana Malaysia kini menerima pengaruh globalisasi dunia tanpa sempadan dengan kemajuan koridor raya multimedia yang sudah pastinya memberi kesan sampingan terhadap nilai dan budaya masyarakat Melayu. Sastera berfungsi dalam membentuk sahsiah remaja yang juga merupakan seorang pelajar. Perkara ini berlaku kerana sekolah bukan sahaja berperanan sebagai tempat sumber ilmu semata-mata tetapi juga sebagai alat kawalan sosial. Pelajar yang datang ke sekolah mahupun ke institusi pengajian tinggi akan sedar akan tanggungjawab mereka sebagai pelajar yang seharusnya mempunyai sifat seorang insan kamil iaitu menjadi seorang pelajar yang seimbang dari segi rohani dan jasmaninya melalui pembelajaran dalam subjek kesusasteraan Melayu.

Malah, bahan sastera memaparkan pelbagai pemikiran, persoalan dan kritikan yang memerlukan pembaca untuk merumus atau membuat tafsiran sendiri berkaitan dengan isu, topik, atau tajuk yang diketengahkan dalam sesebuah karya sastera. Setiap pembaca akan mempunyai pandangan, pendapat, anggapan atau idea tersendiri terhadap bahan sastera yang telah dibacanya. Sebagai contoh novel *Interlok* karya Abdullah Hussain mendapat pelbagai tentangan, kritikan, pandangan serta tanggapan berkaitan dengan isu pelbagai kaum yang dipaparkan oleh pengarang dalam karyanya itu. Sesetengah pihak melihat novel *Interlok* merupakan sebuah novel yang sangat bermutu dan sesuai untuk dijadikan bahan bacaan bagi semua lapisan masyarakat kerana di dalam novel tersebut memaparkan keadaan sebenar rakyat pelbagai kaum di Malaysia. Sejarah kedatangan kaum Cina dan India ke Tanah Melayu serta cara hidup masyarakat pelbagai kaum dipaparkan secara teliti oleh pengarang agar masyarakat tahu akan asal usul kaum masing-masing serta memupuk nilai patriotisme, iaitu bersatu padu, tolong-menolong antara satu sama lain tanpa mengira kaum. Akan tetapi, terdapat sesetengah pihak menganggap novel *Interlok* tidak baik untuk diketengahkan kepada semua lapisan masyarakat kerana menyentuh sensitiviti perkauman. Pihak yang terbabit menyatakan bahawa pengarang menghina kaum India kerana menggunakan perkataan “paria” yang dikaitkan dengan kasta terendah dalam strata sosial masyarakat India.

Kontroversi yang berlaku terhadap novel *Interlok* mampu mengajak pembaca, iaitu remaja yang berstatus pelajar untuk sama-sama berfikir secara waras serta bebas memberi pandangan, tanggapan, kritikan serta idea-idea mereka berkaitan dengan isu hangat yang telah menggegarkan seluruh rakyat Malaysia. Secara tidak langsung, remaja menggunakan akal dan minda untuk membuat rumusan berkaitan dengan kontroversi tersebut. Hal ini sekaligus dapat menjana minda pelajar untuk berfikir secara kritis.

### C. Melatih remaja untuk berkarya dan menggalakkan pembacaan

Melalui pembelajaran sastera di sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi, remaja didedahkan dengan karya-karya yang bersifat kreatif seperti sajak, cerpen, novel dan skrip drama. Secara tidak langsung ini akan menarik minat remaja, iaitu pelajar untuk turut melahirkan kreativiti dalam bentuk luahan jiwa yang kreatif dan dapat melatih remaja untuk menjadi seorang penulis. Melalui penulisan yang baik,

mereka akan mendapat imbuhan sekiranya karya itu diterbitkan di media massa. Kemahiran dan minat berkarya yang disemai pada peringkat sekolah akan memberi kelebihan kepada pelajar apabila mereka tamat belajar kerana mereka akan mengisi masa lapang dengan berkarya dan dengan ini akan memberi pendapatan kepada pelajar tersebut. Ia juga dapat mengelakkan pengangguran dan gejala membuang masa dalam kalangan remaja.

Pendidikan Kesusasteraan Melayu juga secara tidak langsung akan menggalakkan pelajar membaca, iaitu permulaan dengan membaca karya-karya wajib subjek Kesusasteraan Melayu, terutama novel dan cerpen. Amalan membaca amat digalakkan bagi seluruh rakyat di Malaysia khususnya. Amalan membaca perlu dipupuk sejak kecil lagi agar ia menjadi satu amalan dalam kehidupan seharian. Bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungnya. Sikap suka membaca dapat menjana pemikiran remaja khususnya. Dalam usia muda, remaja perlu mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah seperti membaca umpamanya. Secara tidak langsung, remaja mampu meningkatkan ilmu pengetahuan yang sedia ada. Melalui amalan membaca, remaja akan mengetahui pelbagai persoalan yang dikemukakan oleh penulis dalam penulisannya. Remaja akan cuba mentafsir dan memberi penilaian terhadap bahan yang dibacanya. Sekaligus perkembangan efektif remaja berkembang.

#### D. Fungsi hiburan

Domain efektif antara lain bermatlamat perkara-perkara yang berkaitan dengan hati, jiwa dan perasaan. Sehubungan itu, kesepian adalah antara yang menyatukan remaja dengan alam keremajaannya. Kesepian berlaku kerana kepada remaja yang ingin dikasih dan mengasih, sama ada daripada ibu bapa, rakan sebaya atau masyarakat. Apabila perasaan kasih dan mengasih itu tidak dihubungkan dengan sempurna, maka kesepian akan mengisi jiwa remaja. Dalam hal ini, pengisian kesepian itu harus dipenuhi dengan hiburan yang menyenangkan, di samping boleh merehatkan fikiran dan memperoleh ketenangan. Oleh itu, karya sastera seperti novel, cerpen dan drama remaja memainkan peranan sebagai penghibur bersesuaian dengan konsep sastera sebagai alat penghibur.

Melalui aktiviti seperti dekon, deklamasi sajak, pentomen, simulasi dan sebagainya semasa proses pengajaran dan pembelajaran mampu meningkatkan perkembangan psikomotor pelajar, iaitu

remaja. Selain daripada aktiviti yang dilakukan di dalam bilik darjah, remaja juga mampu meningkatkan perkembangan psikomotor mereka dengan melibatkan diri mereka dengan aktiviti di luar sekolah seperti pertandingan berbalas pantun, pertandingan bicara berirama dan sebagainya. Aktiviti seperti ini sangat menghiburkan malah memberi hiburan yang sihat dan bermanfaat kepada diri remaja.

Oleh hal yang demikian, sastera remaja kaya dengan pemikiran dan rekaan fantasi yang menuntut remaja untuk mencabar daya intelektualiti mereka dalam memahami pemikiran dan fantasi yang disajikan. Sastera remaja berperanan untuk membentuk diri, kredibiliti, keperibadian dan akhlak remaja serta membentuk hiburan yang sihat dan murni.

### **Kaitan Falsafah Pendidikan Negara dengan Pendidikan Sastera Remaja dalam Membina Generasi Unggul**

Di Malaysia Falsafah Pendidikan Negara (FPN) digubal selepas Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran diterbitkan pada tahun 1979. Pada tahun 1989 Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan kenyataan rasmi yang pada dasarnya menjadi teras pembentukan remaja sebagai generasi akan datang yang matang dan seimbang dari segenap aspek. Ini ada dinyatakan seperti dalam petikan berikut;

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003, hlm.330)

Petikan tersebut jelas menyatakan bahawa sistem pendidikan di Malaysia berpaksikan kepada Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang menekan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Berpandukan aspek JERI inilah, karya sastera remaja akan membantu

generasi baharu membentuk keperibadian yang unggul. Hal ini demikian kerana, karya-karya sastera akan mempamerkan tatasusila, peradaban, jalan pemikiran, kehalusan peribadi, dan budi bangsa. Keperibadian bangsa juga terserlah di dalam kesusasteraan.

Selain itu, antara penelitian yang dibuat mengenai konsep pembangunan kemanusiaan yang dijadikan asas penggubalan FPN ialah keharmonian dan keseimbangan generasi dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk membina rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri dan rakyat Malaysia yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

### **Ketinggian Daya Intelek Insaniah Remaja**

Unsur intelek dalam FPN menggariskan bahawa perlunya remaja sentiasa berusaha untuk mendapat, meningkat dan menyebarkan ilmu. Dalam masa yang sama, unsur ini bertujuan untuk mendidik remaja agar berfikir secara kreatif dan kritis serta berusaha untuk mengembangkan daya pemikirannya supaya individu mampu menghurai, mencerakin, menaakul, merumus dan menghasilkan idea-idea yang bernas. Lebih bermakna, unsur ini diharapkan mampu membentuk individu remaja yang berkemampuan memanfaatkan ilmu untuk diri, orang lain dan alam sekitar.

### **Kemantapan Rohani Remaja Mematangkan Diri Menghadapi Cabaran**

Unsur rohani yang dimaksudkan dalam FPN adalah perlunya remaja disedarkan perihal ketuhanan dan rasa insaf akan wujudnya Tuhan. Keinsafan dan kesedaran ini akan menjadikan remaja mampu bertindak lebih rasional kerana terpandu dengan paksi-paksi agama yang ada di dalam diri. Keinsafan dalam diri ini seterusnya akan mewujudkan rasa menghargai dan bersyukur dengan setiap pemberian Tuhan. Apabila remaja tahu makna menghargai dan bersyukur, hal ini akan menjadikan remaja lebih prihatin terhadap tanggungjawab yang dipikul sebagai anak, pelajar, remaja, umat dan bangsa. Perkara-perkara ini tentunya akan memupuk dan membina disiplin diri yang sekali gus membentuk akhlak mulia dengan jiwa yang tenang. Oleh

hal yang demikian, diharapkan remaja dengan unsur rohani yang mantap di dalam diri tidak akan mudah mengalah pada setiap dugaan sebaliknya menjadikan dugaan sebagai wadah untuk mematangkan diri menghadapi masa depan.

### **Emosi Seimbang Menjana Remaja Cemerlang**

Generasi cemerlang yang mampu memimpin negara dengan baik memerlukan daya tahan emosi yang kukuh. Tanpa kebijaksanaan mengurus emosi, remaja mudah terpengaruh dengan variasi gejala tidak sihat yang berada di persekitaran mereka. Emosi yang lemah akan menyebabkan remaja gagal merealisasikan matlamat yang ada baik pada diri mereka sendiri ataupun negara khususnya. Oleh sebab pentingnya keseimbangan emosi dipupuk sejak awal lagi, unsur rohani dalam FPN dijadikan garis panduan agar remaja yang dididik memiliki tingkah laku terkawal dan berperasaan tenang. Selain itu, ciri-ciri unsur emosi baik yang harus ada pada remaja juga ialah kemampuan memiliki dan memupuk perasaan kasih sayang yang akan menjelaskan semangat kekitaan dan perpaduan khususnya di negara berbilang kaum seperti di Malaysia. Keseimbangan emosi ini akan menerbitkan sifat tahu menghargai dan menilai keindahan yang ada.

Oleh yang demikian, keberkesanan menghasilkan generasi remaja yang seimbang dengan acuan FPN bermula dari golongan pendidik yang sanggup menerima cabaran dan memikul tanggungjawab untuk menjadikan sastera sebagai pembentuk jati diri dalam membangun sahsiah dan ilmu pengetahuan pelajar. Justeru itu, sastera remaja mengikut acuan FPN adalah untuk melengkapkan pelajar dengan ilmu sastera agar dapat menghayati, menghargai, mencintai, dan memupuk rasa bangga terhadap bahasa dan sastera Melayu dalam bidang pendidikan dan kerjaya ke arah pemantapan sastera. Yang paling penting sekali sastera remaja mampu mendisiplinkan diri untuk menjadi warganegara dan insan yang kaya dengan moral. Sastera remaja boleh membantu dalam menghasilkan generasi unggul untuk negara beracuankan Falsafah Pendidikan Kesusteraan Melayu malah karya-karya sastera merupakan wadah untuk membantu kita memahami pemikiran yang merangkumi falsafah pendidikan sastera bagi melahirkan remaja yang kreatif dalam penulisan karya dan pembacaan karya dalam mendidik remaja berfikir secara tersurat dan tersirat dalam meningkatkan moral serta jati diri para remaja.

Lantaran itu, sastera remaja seharusnya sarat dengan panduan, petunjuk dan pengajaran yang mampu menjadikan remaja sebagai

individu yang matang dalam berdikari, bertindak dan mengurus kehidupan mahupun kepimpinan pada masa akan datang. Masyarakat wajar memberi kepercayaan yang tinggi kepada remaja bahawa mereka mampu menerima dan mencerna aneka isu dengan baik asalkan ada panduannya. Dalam hal ini, penulis kreatif harus mengenal panduan terbaik untuk menghasilkan karya terbaik bagi melahirkan remaja yang cemerlang melalui karya sastera. Malahan, tidak keterlaluan jika dikatakan FPN sebagai kerangka analisis wajar untuk dijadikan sebagai garis panduan penulis-penulis kreatif yang mahu menjadikan remaja sebagai khalayak. Hal ini dikatakan demikian kerana, penerapan FPN dalam penghasilan naratif karya diyakini mampu membina peribadi remaja yang unggul dengan minda cemerlang. FPN juga dijadikan teras untuk mengenal pasti kedudukan dan kesesuaian karya remaja untuk generasi pelapis seterusnya.

### Kandungan Falsafah Pendidikan Sastera

Wawasan 2020 ialah sebuah wawasan diilhamkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ketika itu yang bertujuan untuk meningkatkan Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian dan negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. Yang dimaksudkan sepenuhnya terangkum bukan sahaja bidang ekonomi, tetapi juga bidang-bidang politik, sosial, kerohanian, psikologi, serta juga perpaduan nasional dan sosial. Kesemua ini juga melibatkan persoalan keadilan sosial, kestabilan politik, sistem kerajaan, mutu hidup, nilai sosial dan kerohanian, maruah bangsa, serta juga keyakinan.

A Wahab Ali (2009) menjelaskan bahawa Wawasan 2020 bukan terbatas untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri, malah menurut Tun Dr. Mahathir Mohammad matlamat terakhir yang sepatutnya kita cita-citakan adalah pembentukan sebuah negara Malaysia yang benar-benar maju menjelang 2020. Baginya negara maju yang diwawasankannya itu bukanlah bermodelkan mana-mana 19 buah negara maju kini, sebaliknya negara maju menurut acuan kita sendiri. Selanjutnya, beliau menekankan bahawa Malaysia tidak harus menjadi negara maju dari segi ekonominya semata-mata. Negara kita mestilah menjadi negara maju dari segala seginya dari segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan. Kita hendaklah mencapai kemajuan sepenuhnya dari segi perpaduan negara dan kesepadan sosial serta kerohanian, selain mempunyai rasa bangga dan keyakinan akan bangsa sendiri (Mahathir,1991).

Menjelang tahun 2020, Malaysia boleh menjadi sebuah negara yang bersatu padu, dengan masyarakat Malaysia mempunyai rasa keyakinan diri, ditunjangi oleh nilai-nilai moral dan etika yang utuh, menikmati kehidupan dalam sebuah masyarakat yang demokrasi, liberal lagi bertolak ansur, berbudi adil dan saksama ekonominya, progresif dan makmur, serta sepenuhnya menguasai ekonomi yang mampu bersaing, dinamis, tangkas serta daya ketahanan.

Untuk mencapai negara Malaysia yang benar-benar maju itu, A. Wahab Ali (2009:187) menjelaskan terdapat sembilan cabaran untuk mencapai negara yang benar-benar maju, iaitu pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu padu, melahirkan masyarakat yang bermaruah, membentuk dan memperkembangkan masyarakat demokrasi ala Malaysia, membentuk sebuah masyarakat yang teguh etikanya berlandaskan agama dan budi pekerti lulus, cabaran yang seturusnya melahirkan masyarakat yang matang toleransi budayanya. Selain itu, cabaran membentuk sebuah masyarakat yang bersifat sains dunia, cabaran yang ketujuh membentuk sebuah masyarakat bersifat kekeluargaan, kasih dan penyayang dan cabaran yang terakhir ialah membentuk sebuah masyarakat yang makmur ekonominya dan mempunyai daya saing dan daya tahan.

Berdasarkan cabaran tersebut jelas menunjukkan bahawa Wawasan 2020 mahu menjadikan negara Malaysia maju mengikut acuan sendiri kerana negara dihuni oleh pelbagai kaum. Masyarakat Malaysia yang maju itu mesti bersatu, hidup sebagai sebuah keluarga, bermaruah, tahan lasak menerima cabaran dan persaingan, tetapi imbang nilai-nilai etika agama dan etika budi yang luhur. Dengan demikian dapat dikatakan bahawa matlamat Wawasan 2020 adalah dengan melahirkan sebuah masyarakat Malaysia yang sempurna menurut ukuran kesejahteraan kita bersama di bumi ini.

Dalam sistem pendidikan kita, kesusasteraan memainkan peranan yang penting untuk melahirkan individu yang seimbang dan harmonis. Oleh hal demikian, kandungan kurikulum pendidikan kesusasteraan sewajarnya disesuaikan dengan wawasan 2020. Berdasarkan Pusat Perkembangan Kurikulum falsafah yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu 2003, falsafah kesusasteraan Melayu menjelaskan bahawa pendidikan Kesusasteraan Melayu di Malaysia bertujuan untuk menjana minda, rohani, dan emosi, mengukuhkan jati diri, menyuburkan budaya bangsa, dan memupuk sikap ke arah pembinaan insan bestari.

Menurut Datuk Abdul Rafie Bin Mahat (2003) Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia ketika itu ada menjelaskan bahawa Kurikulum persekolahan kebangsaan

mendukung hasrat mulia negara bagi menyediakan pendidikan bertaraf dunia kepada generasi masa kini dan akan datang. Penyemakan kurikulum bertujuan untuk menyatupadukan elemen terkini dalam pendidikan, memenuhi semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid untuk menghadapi cabaran pendidikan pada abad ke-21. Malahan menurutnya, Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu ini dapat melengkapkan murid dengan ilmu sastera agar dapat melahirkan generasi yang mencintai bahasa ke arah pemantapan cita rasa sastera dalam kalangan masyarakat.

## Kesimpulan

Sastera remaja amat diperlukan dalam membina jati diri remaja bagi mendepani gelombang pada masa hadapan. Penghasilan karya yang bermutu menyumbang kepada pembinaan sahsiah remaja. Dengan pelbagai kepentingan yang telah dinyatakan seperti mampu membentuk keperibadian remaja, dapat menghargai karya-karya kreatif yang telah dihasilkan, memberi penekanan unsur keagamaan dan moral, mampu mengenali adat dan budaya, dapat menyebarkan nilai-nilai kebangsaan dan sastera juga merupakan sebagai budaya ilmu dalam kalangan remaja. Di samping itu, aspek strategi pengajaran sastera yang mengambil kira kepelbagaiannya teknik yang sesuai dengan kebolehan pelajar dapat membantu merencanakan pendekatan yang berbeza untuk membentuk remaja yang mempunyai kemahiran generik. Kerjasama semua pihak perlu bagi memastikan kemampuan kita membentuk generasi hari ini dengan modal insan berkualiti hasil pendekatan elemen sastera untuk remaja. Bagi menghasilkan karya remaja yang baik, ia perlulah menampilkan kisah kemanusiaan yang berhemah tinggi dengan watak-watak yang berdedikasi, gigih, mempunyai pegangan, dan yakin dalam perjuangan hidup serta mempunyai mutu sastera yang baik. Ia baharulah dikatakan sastera remaja yang murni dan sesuai untuk tatapan para remaja. Akhirnya, usaha menelusuri sastera remaja perlu diberi perhatian dan penekanan bagi memantapkannya. Ia perlu mempunyai kayu ukur atau panduan bagi rujukan individu, kelompok dan institusi tertentu yang terbabit atau yang mempunyai kepentingan dalam penciptaan, penerbitan dan pemilihan teks yang relevan. Oleh itu, sastera remaja perlu sentiasa dipertingkatkan demi masa depan Kesusasteraan Melayu di Malaysia.

## RUJUKAN

- Ani Hj Omar. (2011). *Apresiasi teori kesusasteraan Melayu*. Tanjung Malim: Emeritus Publications .
- A Wahab Ali (2009). *Kesusasteraan Melayu dalam bandingan dan pendidikan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Harga Remaja: *Antologi Kesusasteraan Melayu Sekolah Menengah Tingkatan 4* (2009). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Hizairi Othman. (1996). *Kreativiti dalam penciptaan karya sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein. (1986). *Sastera dan agama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. (2007). *Ilmu kesusasteraan abad ke-21*. Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.
- Jeneri Amir. (1988). *Strategi penggunaan bahan sastera -bahasa Malaysia KBSM*, Kuala lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarudin Hj. Husin Siti Hajar Hj Abdul Aziz. (2003). *Pedagogi untuk asas pendidikan* Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn . Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Mohd Yusof Hassan. (1995). *Koleksi terpilih Shahnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Haji Salleh. (2000). *Puitika sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Raudah Hj. Siren. (2006). *Falsafah diri remaja dalam novel remaja Melayu*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Hassan Basri. (2005). *Citra komsas*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Puteh. (1998). *Tanggapan terhadap kesusasteraan remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad (1991). *Sastera sebagai seismograf kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suppiah Nachiappan, Kamarulzaman Kamaruddin, Abd. Aziz Abd Shukor, Ramlah Jantan, Roslinda Mustapha dan Hazalizah Hamzah. (2012). *Pembelajaran dan perkembangan pelajar*. Edisi kedua. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Othman Puteh. (1995). *Pengisian dunia sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sahlan Mohd Saman. (1999). *Tokoh dan kecenderungan kritikan sastera mutakhir*. Selangor: Persatuan Penulis Selangor.
- Zalila Sharif. (2007, Mac). *Laporan sayembara mengarang sempena*

*Pendidikan Sastera Remaja di Malaysia... / 23*  
*sambutan Jubli Emas DBP. Dewan Sastera, 27-28.*

